Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Monsta, Mohd Nizam Abd Razak berkata, pihaknya kekal komited bekerjasama dengan Air Selangor dalam melaksanakan inisiatif progresif melalui ikon BoBoiBoy bagi meningkatkan kesedaran mengenai isu air dalam kalangan masyarakat, terutamanya generasi muda, sekali gus menyumbang kepada masa depan yang lebih lestari.

Video pemenang akan ditayangkan dalam salah satu episod khas Air Selangor x BoBoiBoy selepas pertandingan ini dijalankan sehingga 3 Disember 2024.

Pemenang juga akan menerima hadiah berupa dana bernilai RM15,000 untuk mereliasasikan impian mereka untuk mencantikkan kawasan sekolah atau membangunkan taman lestari.

HARIAN METRO
Tarikh: 06 NOV 2024

PANDU SECARA MELULU, MERBAHAYA SEPANJANG DEEPAVALI

# 6,013 kes kemalangan, 60 kematian

HM 6/11

**Kuala Lumpur:** Memandu secara melulu dan merbahaya adalah kesalahan tertinggi menyebabkan kemalangan maut sepanjang perayaan Deepavali lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, sebanyak 6,013 kes kemalangan dengan 60 kematian direkodkan sepanjang operasi sempena perayaan Deepavali selama empat hari bermula 31 Oktober hingga kelmarin.

"Sepanjang operasi, JSPT melaksanakan 388 operasi di seluruh negara dan menahan 97 individu atas pelbagai kesalahan serta menyita 647 kenderaan.

"Daripada jumlah itu, 91 tangkapan membabitkan kesalahan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987, kesalahan mengikut Akta Dadah Berbahaya (3); Kanun Keseksaan (2) dan lain-lain (1)," katanya selepas Perhimpunan Bulanan JSPT di Bukit Aman di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Yusri berkata, pihaknya turut melaksanakan Operasi Samseng Jalanan sepanjang perayaan Deepavali.

Beliau berkata, 119 tangkapan direkodkan bagi kesalahan memandu secara melulu dan berbahaya mengikut Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Katanya, ini diikuti 45 tangkapan bagi kesalahan nombor pendaftaran palsu atau *fancy*, lumba haram (2) dan lain-lain (4).

Dalam pada itu, beliau berkata, jumlah kemalangan membabitkan motosikal menunjukkan penurunan 10.01 peratus apabila sebanyak 2,461 kes direkodkan dari 12 Ogos sehingga 12 September lalu, berbanding 2,735 kes dalam tempoh sama tahun lalu.

"Begitu juga kemalangan maut menyaksikan penurunan 113 kes atau 26.03 peratus iaitu 321 kes berbanding 434 kes dalam tempoh sama tahun lalu.




"Jumlah kematian membabitkan penunggang dan pembonceng pula menurun kepada 324 kematian berbanding 436 kematian tahun lalu," katanya.

Kata beliau, pelaksanaan operasi dan tangkapan adalah usaha berterusan JSPT dalam menangani isu peningkatan kes kematian akibat kemalangan terutama penunggang dan pembonceng motosikal.

Beliau menyeru pengguna jalan raya supaya mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya dalam mengurangkan kadar kemalangan.

HARIAN METRO
Tarikh: 06 NOV 2024




PERUBAHAN jangkaan kadar dasar monetari yang lebih rendah dalam ekonomi utama global, khususnya di AS menyumbang kepada pengukuhan ringgit.

# NILAI RINGGIT MASIH KUKUH

## *Mata wang tempatan mengukuh 5.03 peratus berbanding dolar AS setakat 4 November*

Kuala Lumpur

Nilai ringgit masih kukuh walaupun terdapat pelbagai perkembangan dan penyesuaian pasaran baru-baru ini apabila setakat 4 November 2024, mata wang tempatan mengukuh 5.03 peratus berbanding dolar AS.

*Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan* berkata, dalam masa sama, ringgit mengukuh berbanding mata wang negara serantau iaitu sebanyak 13.3 peratus berbanding yen, 12.2 peratus berbanding won, 7.5 peratus berbanding rupiah dan 3.7 peratus berbanding baht.

"Dari segi perkembangan global, perubahan jangkaan kadar dasar monetari yang lebih rendah dalam ekonomi utama global, khususnya di Amerika Syarikat (AS) telah menyumbang kepada pengukuhan ringgit.

"Faktor global seperti pergolakan geopolitik di Timur Tengah dan pilihan raya AS turut menyumbang kepada turun naik pasaran kewangan global termasuk ringgit dan mata wang negara yang pesat membangun," katanya pada sesi soal jawab di persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab pertanyaan *Lim Guan Eng (PH-Bagan)* berkenaan prestasi ringgit tahun ini berbanding dolar AS dan mata wang asing negara lain serta nilai yang berpatutan selaras dengan kenaikan pelaburan asing, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar yang menggalakkan dan kadar inflasi yang terkawal.

> *Faktor global seperti pergolakan geopolitik di Timur Tengah dan pilihan raya AS turut menyumbang kepada turun naik pasaran kewangan global termasuk ringgit dan mata wang negara yang pesat membangun"*
>
> Amir Hamzah

Amir Hamzah berkata, selain perkembangan luaran, ekonomi Malaysia juga sedang berkembang dengan baik apabila setakat suku ketiga 2024, ia berkembang secara purata sebanyak 5.1 peratus.

"Ini termasuk anggaran awalan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku ketiga 2024 sebanyak 5.3 peratus. Seterusnya, ekonomi negara dijangka mencatat perkembangan antara 4.8 hingga 5.3 peratus untuk keseluruhan 2024.

"Inflasi masih rendah dan terkawal pada 1.8 peratus pada September 2024. Jumlah pelaburan langsung asing yang telah diluluskan separuh tahun pertama tahun ini sebanyak RM160 bilion berbanding RM136 bilion pada 2023 dalam tempoh sama," katanya.

Sementara itu, Amir Hamzah berkata, kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan melaksanakan pemantauan berterusan terhadap firma pengurusan individu kaya atau 'Pejabat Keluarga' (*Family Offices*) yang beroperasi di Malaysia bagi memastikan ia tidak terbabit dalam sebarang aktiviti haram.

Katanya, kementerian maklum mengenai kebimbangan itu dan akan menggunakan peraturan sedia ada bagi menanganinya.

"Skim ini berada di bawah pemantauan SC dan BNM terutama bagi Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA), di mana perpindahan modal akan dijaga mengikut peraturan sedia ada.

"Kita percaya SC dan BNM akan pantau supaya tak berlaku isu berkaitan AMLA dan pembiayaan bagi tujuan keganasan berlaku," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan *Salamiah Mohd Nor (PN-Temerloh)* yang ingin tahu sama ada kerajaan menjalankan kajian risiko berhubung penawaran *Family Offices* di negara ini yang dikhuatiri disalah guna bagi pembiayaan keganasan atau pengubahan wang haram.

Salamiah dalam soalannya turut mempersoal kadar cukai dikenakan kepada firma *Family Offices* sebagai terlalu rendah iaitu sekitar sifar hingga 5.0 peratus.

Amir Hamzah dalam jawapannya menjelaskan, skim terbabit bermatlamat untuk meningkatkan aktiviti dan menggandakan ekomi negara.

"Ia skim yang baharu diperkenalkan di negara kita. Ia bertujuan menarik pelabur dari luar negara dan merancakkan lagi ekonomi kerana sebahagian daripada dana dibawa masuk dan akan digunakan di dalam negara," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 06 NOV 2024

# 14 projek tebatan banjir diberi lanjutan tempoh

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 14 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Pantai Timur, diberikan lanjutan tempoh kontrak berikutan berdepan kelewatan dan masalah pelaksanaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata antara punca utama kelewatan adalah proses pengambilan tanah yang mengambil masa terlalu lama dan juga isu pengalihan utiliti.

Beliau yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, secara keseluruhan terdapat 26 projek RTB di seluruh Pantai Timur dengan kos RM8 bilion dan pihaknya menegaskan tiada projek sakit dilaporkan.

"Bagi 14 projek itu, isu pengambilan tanah sudah diselesaikan dan projek sudah mendapat pelanjutan tempoh kontrak contohnya Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok Fasa 1 sudah mendapat pelanjutan tempoh kontrak.

Isu pengalihan utiliti juga dapat diselesaikan dan sedang dalam fasa perjanjian di antara syarikat utiliti," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT), di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata menjawab soalan Datuk Dr Ahmad Marzuk Shaary (PN-Pengkalan Chepa) yang meminta menteri menyatakan langkah drastik kementerian dalam menyelesaikan kelewatan RTB dan kesan langsung daripadanya dalam menghadapi jangkaan banjir besar di seluruh negara, khususnya di Pantai Timur.

Fadillah berkata, setakat ini hanya satu projek RTB yang sudah siap membabitkan RTB Lembah Bertam, Cameron Highland, Pahang.

"Sementara 10 projek masih dalam peringkat prapelaksanaan. Daripada 10 itu, lima sudah diiklankan untuk tender manakala lima lagi dalam proses reka bentuk.

"Selain itu, 15 projek sedang dalam peringkat pelaksanaan iaitu mengikut jadual, manakala 14 mempunyai masalah pelaksanaan," katanya.

Beliau berkata, berhubung dengan isu kelewatan projek RTB, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa melaksana dan memantau kemajuan projek mengikut Pekeliling Perbendaharaan, tatacara perolehan dan pentadbiran kontrak serta peraturan berkuat kuasa.

Katanya, mesyuarat tapak dan teknikal diadakan secara berkala untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual.

"Mesyuarat ini juga mengenal pasti kemungkinan kelewatan pelaksanaan yang mungkin timbul dari pihak kontraktor atau perkara lain di luar jangka seperti bencana dan sebagainya.

"Dengan menjadikan pemantauan sebagai aspek utama dalam pengurusan projek, kerajaan berupaya mengenal pasti masalah dan menangani isu yang mungkin timbul dengan lebih cekap, menjadikan setiap projek pembangunan bergerak ke arah pencapaian matlamat tanpa mengabaikan cabaran yang mungkin timbul," katanya.

Beliau berkata, selain daripada projek RTB, sebagai penyelesaian jangka pendek, JPS melaksanakan kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir.

Katanya, bagi tahun ini sebanyak RM16.83 juta diperuntukkan untuk melaksanakan 391 sebut harga yang akan siap pada Disember ini.

BERITA HARIAN
Tarikh 06 NOV 2024

# Belanjawan 2025 tingkat kapasiti OKU rancakkan ekonomi negara



Felo Penyelidik Kanan, Jabatan Kewangan Islam, Pusat Pengurusan Penyelidikan ISRA, INCEIF University

**Oleh Dr Mohd Zaidi Md Zabri**
bhrencana@bh.com.my

6/11 BH

**Golongan** orang kurang upaya (OKU) sering menghadapi cabaran berat dalam memperoleh peluang pendidikan, pekerjaan, serta kualiti kehidupan saksama dengan masyarakat umum. Tanpa sokongan bersepadu, golongan rentan sebegini terus terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Oleh itu, Belanjawan 2025 dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyasarkan untuk mengubah situasi ini dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif bersasar bagi meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan OKU.

Dalam Belanjawan 2025, kerajaan memperuntukkan lebih RM1.3 bilion, khusus untuk golongan OKU dan kebanyakan tumpuan mungkin diberikan kepada aspek kebajikan, terdapat implikasi ekonomi lebih besar di sebalik peruntukan ini.

Menerusi pemberian sokongan kewangan, peluang keusahawanan dan pendidikan kepada OKU, kerajaan juga merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Peningkatan bantuan OKU kepada RM1.3 bilion berbanding RM1.2 bilion pada 2024 bakal memberi kesan langsung kepada ekonomi. Sebagai contoh, golongan OKU menerima bantuan kewangan bakal mempunyai kuasa membeli lebih baik, seterusnya menyumbang permintaan dalam ekonomi domestik, terutama dalam sektor runcit dan perkhidmatan.

Apabila lebih banyak pengguna membelanjakan wang dalam ekonomi, ia merangsang aktiviti komersial. Ini adalah prinsip asas dalam ekonomi dengan permintaan barang dan perkhidmatan meningkat akan memacu pertumbuhan perniagaan, terutama dalam sektor runcit, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan.

Keusahawanan antara cara terbaik meningkatkan kesejahteraan ekonomi individu, termasuk OKU. Melalui peruntukan RM50 juta bagi menjayakan Skim Sinar BSN, kerajaan membuka peluang kepada OKU memulakan perniagaan sendiri.

Inisiatif sebegini bukan sahaja memberi impak kepada individu terbabit secara langsung, bahkan berupaya mencipta pekerjaan baharu dalam komuniti tempatan. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah tulang belakang ekonomi negara, mencipta peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan.

## Jana pendapatan, beri peluang pekerjaan

Apabila usahawan OKU berjaya memulakan perniagaan, mereka tidak hanya menjana pendapatan sendiri, tetapi memberi peluang pekerjaan kepada orang lain, mencipta kesan penggandaan, ekonomi setempat berkembang kerana lebih ramai terbabit dalam perniagaan dan pekerjaan. Sektor seperti pembekalan, perkhidmatan teknologi dan sumber manusia juga akan mendapat manfaat.

Kajian akademik sering membuktikan usahawan OKU juga tidak kurang inovatif dan tahan lasak kerana sudah terbiasa berdepan dan mengatasi halangan.



Perniagaan diasaskan OKU pasti mencari pendekatan unik untuk mengatasi cabaran dalam pasaran, menjadikan mereka lebih fleksibel menghadapi dugaan ekonomi. Dalam jangka panjang, inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan taraf hidup OKU, tetapi menyumbang daya tahan ekonomi negara.

Sementara itu, pendidikan adalah pelaburan masa depan negara, maka RM300 juta diperuntukkan untuk membina 11 pusat permata baharu bagi melengkapkan setiap negeri mempunyai pusat didikan anak autistik, termasuk di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Selain itu, dua sekolah baharu murid berkeperluan khas juga dibina di Tuaran, Sabah dan Johor Bahru dengan kos RM300 juta lagi.

Pendidikan berkualiti meningkatkan kebolehpasaran individu dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kewangan dalam jangka panjang.

Pelajar OKU menerima pendidikan berkualiti lebih cenderung menyertai tenaga kerja apabila dewasa. Mereka akan mempunyai kemahiran diperlukan untuk menyumbang secara produktif kepada ekonomi negara. Ia juga bakal mengurangkan perbelanjaan kebajikan kerajaan.

Pembinaan sekolah khas turut memberi peluang pekerjaan kepada golongan pendidik, pakar terapi dan kakitangan sokongan. Kemasukan lebih ramai tenaga kerja dalam sektor pendidikan khas meningkatkan permintaan perkhidmatan sokongan.

Kesan rantaian ini secara tidak langsung mencipta peluang pekerjaan baharu dalam sektor pendidikan dan perkhidmatan profesional menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Inisiatif diperkenalkan dalam Belanjawan 2025 bukan sahaja memberikan manfaat kebajikan kepada OKU, tetapi kesan ekonomi signifikan. Peningkatan bantuan kewangan meningkatkan kuasa beli dan merangsang permintaan dalam ekonomi.

BERITA HARIAN
Tarikh 0 6 NOV 2024

# Dorong rakyat amal gaya hidup lestari



Pensyarah Kanan, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS)

Oleh Nurul Nadiah Ahmad
bhrencana@bh.com.my

**Dalam** menghadapi krisis perubahan iklim semakin kritikal, keperluan untuk menilai dan mengubah cara penggunaan tenaga harian semakin mendesak. Kesedaran terhadap kepentingan sumber tenaga boleh diperbaharui meningkat dalam kalangan masyarakat, sejajar penerimaan terhadap gaya hidup lebih lestari.

Selari matlamat pembangunan mampan (SDG) dan amalan alam sekitar, sosial, dan tadbir urus (ESG), perubahan ini sebahagian komitmen global menangani isu utama seperti pelepasan karbon dan risiko alam sekitar.

Menerusi kaedah pengangkutan, cara pemanasan rumah hingga penggunaan alat elektrik, setiap aspek gaya hidup menyumbang kepada penggunaan tenaga. Peralihan gaya hidup ini tidak hanya membabitkan perubahan teknologi, tetapi pemikiran dan sokongan rakyat yang menjadi tunjang utama kejayaan inisiatif tenaga boleh diperbaharui pada masa hadapan.

Mengambil kira risiko global berkaitan perubahan iklim, termasuk bencana alam, kekurangan sumber dan peningkatan suhu, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menekankan kepentingan tenaga boleh diperbaharui.

Kerajaan menetapkan sasaran meningkatkan sumbangan tenaga boleh diperbaharui kepada 31 peratus menjelang 2025, seiring matlamat global memastikan akses kepada tenaga mampu milik dan mampan bagi semua.

Dalam Belanjawan 2024, kerajaan memperuntukkan RM2 bilion untuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR), termasuk insentif bagi pelaburan dalam tenaga solar serta peningkatan infrastruktur.

Statistik Suruhanjaya Tenaga (ST) menunjukkan penggunaan tenaga solar di negara ini meningkat dengan ketara, melebihi 3,200 MegaWatt (MW) pada 2023 mewakili lebih 20 peratus daripada keseluruhan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

Peningkatan ini langkah positif, didorong sokongan kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk program pemilikan sistem solar bagi membolehkan lebih ramai rakyat memanfaatkan tenaga solar di kediaman mereka.

Masyarakat mengamalkan gaya hidup lestari cenderung menyokong penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui. Peningkatan kecekapan penggunaan tenaga di rumah antara cara berkesan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan meningkatkan keselesaan.

Tiga faktor utama, iaitu penggunaan, perumahan dan maklumat, terbukti memberi kesan signifikan terhadap kecekapan tenaga dalam menyokong keberkesanan dasar penjimatan tenaga sedang dilaksanakan di Malaysia.

Di samping itu, pendedahan kepada maklumat tepat mengenai faedah tenaga boleh diperbaharui memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sokongan masyarakat.

Namun, cabaran dihadapi juga harus disedari. Pengaruh gaya hidup berbeza, termasuk keselesaan dan kos, sering menjadi penghalang kepada penerimaan tenaga boleh diperbaharui.

Oleh itu, penting untuk meyakinkan masyarakat bahawa pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar, tetapi mampu menjimatkan kos.

Kesimpulannya, bagi meningkatkan sokongan rakyat terhadap tenaga boleh diperbaharui, gaya hidup menyokong lestari serta kesedaran lebih tinggi kepentingan tenaga boleh diperbaharui adalah kunci utama. Menerusi kerjasama semua pihak termasuk kerajaan, masyarakat dan individu ia akan mendorong perubahan positif dalam cara penggunaan tenaga, seterusnya mencipta masa depan lebih lestari.

BERITA HARIAN
Tarikh 0 6 NOV 2024

# Orang ramai diingat sentiasa peka cuaca musim tengkujuh

**Kuala Lumpur:** Orang ramai diingatkan supaya sentiasa peka terhadap perubahan cuaca semasa serta mematuhi arahan pihak berkuasa demi keselamatan diri serta keluarga berikutan musim tengkujuh yang bermula semalam sehingga tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, berkata orang ramai juga perlu cakna dan bersiap siaga sebaiknya bagi menghadapi sebarang keadaan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara, berkata beberapa episod hujan lebat mungkin mengakibatkan banjir, terutama di kawasan rendah dan berhampiran sungai di negeri pantai timur Semenanjung, Sarawak serta Sabah.

"Untuk dapatkan maklumat mengenai keadaan cuaca dan amaran bencana terkini, anda boleh layari laman web rasmi Jabatan Meterologi Malaysia (MetMalaysia) di www.met.gov.my," katanya menerusi perkongsian di Facebook.

Pada 1 November lalu, Ketua Pengarah MetMalaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, dalam kenyataan memaklumkan Monsun Timur Laut (MTL) 2024/2025 atau musim tengkujuh dijangka bermula semalam dan berterusan sehingga Mac 2025.

Dalam fasa awal MTL dari November hingga Disember, episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah.

Pada Januari hingga Februari 2025 pula, negeri yang lebih berpotensi untuk berlaku episod hujan lebat adalah di Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh 06 NOV 2024



*Wan Abdul Latiff menanam pokok menggunakan kaedah Cocodama pada sesi interaktif Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama pemenang Anugerah Sekolah Lestari, Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Sungai tercemar makin berkurangan hasil pemantauan

## Jumlah menurun daripada 29 pada 2022 kepada 25 tahun lalu susulan penguatkuasaan lebih tegas

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Pemantauan kualiti air sungai berterusan selain penguatkuasaan lebih tegas, menyebabkan jumlah sungai tercemar di seluruh negara berkurangan kepada 25, tahun lalu.

Ketua Pengarah Alam Sekitar, Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, berkata ia berbanding terdapat 29 sungai tercemar di seluruh negara pada 2022.

Beliau berkata, jumlah sungai tercemar seluruh negara itu dijangka terus berkurangan dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, Jun lalu.

"Ada pengurangan sungai tercemar daripada 29 sungai pada 2022 kepada 25 batang sungai tahun lalu, di seluruh negara.

"Pengurangan jumlah sungai tercemar susulan usaha berterusan JAS memantau kualiti air sungai seluruh negara dan penguatkuasaan ke atas punca yang menyebabkan pencemaran berlaku.

**Pastikan patuhi akta**

"Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan juga sudah bermesyuarat dua kali pada Jun dan Ogos lalu dengan JAS akan memastikan usaha berterusan industri, pemaju pembangunan dan loji kumbahan supaya aktiviti dan proses pengeluaran mereka mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi interaktif Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama pemenang Anugerah Sekolah Lestari, Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Mutiara, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Dr Mohd Famey Yusoff.

Jun lalu, sebanyak 25 daripada 672 sungai di negara ini dilaporkan berada dalam kategori tercemar, kata Fadillah.

Timbalan Perdana Menteri dilaporkan berkata, sungai tercemar itu dikesan di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak membabitkan pengkelasan kualiti air sungai (IKA) kelas tiga dan empat.

Antara punca terjadi pencemaran adalah kerana industri, loji kumbahan, perbandaran, pertanian, perumahan dan penternakan.

**INFO 25 SUNGAI TERCEMAR**

**KEDAH**
- Sungai Bakar Arang
- Sungai Petani

**PULAU PINANG**
- Sungai Chempedak
- Sungai Jawi
- Sungai Rambai
- Sungai Kluang
- Sungai Pinang
- Sungai Titi Kerawang

**SELANGOR/KUALA LUMPUR**
- Sungai Buloh
- Sungai Air Busuk
- Sungai Kerayong
- Sungai Toba

**JOHOR**
- Sungai Danga
- Sungai Buluh
- Sungai Tukang Batu
- Sungai Kempas
- Sungai Segget
- Sungai Pandan
- Sungai Sebulung
- Sungai Sengkuang
- Sungai Tampoi

**SARAWAK**
- Sungai Adong
- Sungai Miri
- Sungai Daro
- Sungai Jemoreng

Infografik BH

BERITA HARIAN
Tarikh 06 NOV 2024

# Dadah RM2.28 juta dirampas

um 6/11

**MELAKA:** Polis merampas pelbagai jenis dadah termasuk serbuk ekstasi lebih 12 kilogram bernilai RM2.28 juta dalam satu serbuan di sebuah kondominium di Melaka Raya di sini, minggu lalu.

Dalam serbuan pukul 3 pagi oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, polis turut menahan tiga lelaki tempatan dan dua wanita warga Indonesia berusia antara 21 dan 37 tahun.

Ketua Polis Melaka, Datuk Zainol Samah berkata, polis turut menyita dua kenderaan dan wang tunai RM6,400 serta merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM2,288,704. Rampasan dadah membabitkan serbuk ekstasi dan ketamin, masing-masing seberat 12,920 gram dan 300 gram, pil ekstasi sebanyak 1,307 biji serta 280 biji pil erimin 5.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 06 NOV 2024

# 6,013 kes kemalangan sepanjang Op Deepavali

UM 6/11

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 6,013 kes kemalangan dicatatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sepanjang empat hari operasi perayaan Deepavali bermula 31 Oktober hingga 3 November lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Yusri Hassan Basri berkata, sebanyak 60 kematian dilaporkan dalam tempoh terbabit.

"Analisis polis mendapati kes tertinggi kemalangan maut disebabkan memandu secara melulu dan berbahaya," katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Bulanan JSPT Bukit Aman di sini semalam.

Sepanjang operasi katanya, sebanyak 91 tangkapan dilakukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987; Kanun Keseksaan (2), Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan satu lagi melibatkan lain-lain kesalahan.

Menurutnya, sebanyak 647 pelbagai jenis kenderaan turut disita.

"Dalam tempoh sama, kita turut menjalankan operasi samseng jalanan dengan menahan seramai 119 individu di bawah Seksyen 42 (1) APJ 1987 yang memandu secara melulu dan berbahaya dan 45 orang di bawah Seksyen 108 APJ 1987 atas kesalahan kenderaan palsu dan fancy.

"Dua individu turut ditahan kerana terlibat lumba haram iaitu di bawah Seksyen 81 APJ manakala empat tangkapan melibatkan lain-lain akta.

"Dalam operasi berkenaan, sebanyak 328 motosikal turut disita," katanya.

Dalam perkembangan lain, Yusri berkata, pihaknya telah melancarkan Op Khas Motosikal 2024 bermula pada 12 Ogos hingga 12 September lalu di seluruh negara.

Katanya, operasi itu bertujuan mengurangkan kemalangan jalan raya melibatkan motosikal terutamanya jumlah kes maut yang meningkat setiap hari.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 06 NOV 2024

# Plat MADANI: JPJ, MOT dituntut bayar RM1.3j

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

um 6/11

**KUALA LUMPUR:** Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) dituntut membayar ganti rugi RM1.3 juta kerana melanggar hak cipta penghasilan plat MADANI.

Tuntutan tersebut dibuat oleh ahli perniagaan, Hasan Azhari Hashim yang juga Pengarah Program Ilham Madani Sdn. Bhd. dan perlu dilunaskan dalam tempoh tujuh hari daripada penerimaan surat tuntutan bertarikh 4 November lalu.

Menurut surat tuntutan dikeluarkan firma guaman, Tetuan Raj & Sach mewakili Hasan menyatakan anak guamnya telah mendaftarkan secara sah karya hak cipta "Kertas Kerja Mewujudkan Nombor Plat Khas Kenderaan Bersiri Madani 1 Sehingga Madani 9999 Untuk Didaftarkan Di Malaysia" pada 26 Februari 2023.

Selepas pendaftaran tersebut, Hasan melalui syarikatnya telah mengemukakan beberapa surat dan kertas cadangan kepada Pejabat Perdana Menteri dan Menteri Pengangkutan bermula 27 Februari 2023 dan April lalu.

Bagaimanapun, surat dan cadangan tersebut ditolak atas alasan terdapat ketetapan sedia ada yang tidak lagi membenarkan pengeluaran Nombor Pendaftaran Khas (NPK) kepada pihak syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain entiti selain JPJ.

> **"Pihak JPJ dan MOT telah mengguna pakai idea anak guam kami dan Karya Hak Cipta tersebut secara tidak sah yang merupakan pelanggaran jelas terhadap hak cipta anak guam kami."**
>
> TETUAN RAJ & SACH

Namun, sekitar Oktober lalu, JPJ mengeluarkan Notis Awam Nombor Pendaftaran Istimewa Siri MADANI dengan harga bidaan minimum bermula RM100.

Berdasarkan laporan media, penjualan nombor plat khas itu telah mengutip jualan sebanyak RM2.6 juta.

Sehubungan itu, Hasan mendakwa tindakan JPJ itu bertentangan dengan surat agensi terbabit bertarikh 31 Oktober 2023 dan 6 Februari lalu yang menolak cadangan syarikat Ilham Madani untuk mengeluarkan nombor plat berkenaan.

"Pihak JPJ dan MOT telah mengguna pakai idea anak guam kami dan Karya Hak Cipta tersebut secara tidak sah yang merupakan pelanggaran jelas terhadap hak cipta anak guam kami. Tindakan ini merupakan pelanggaran langsung di bawah Akta Hak Cipta 1987.

"Anak guam Kami mendapati bahawa pihak JPJ dan MOT telah melanggar hak intelek dengan menggunakan, menyalin, mengedar, dan/atau mengubah tanpa kebenaran Karya Hak Cipta tersebut dengan menjual nombor pendaftaran khas kenderaan "MADANI 1-9999".

"Justeru, akibat daripada tindakan menyalahgunakan dan melanggar hak harta intelek dan hak cipta, anak guam kami telah dan terus mengalami kerugian kewangan serta kerosakan reputasi yang ketara," kata surat tuntutan tersebut.

Sehubungan itu, Hasan menuntut pampasan yang tidak dinyatakan jumlahnya bagi kerugian yang ditanggung olehnya akibat pelanggaran karya dan hak cipta itu.

Turut dituntut ialah ganti rugi RM1.3 juta iaitu separuh daripada hasil penjualan nombor plat khas MADANI.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ......0 6 NOV 2024



*Plastic waste has become so pervasive that it is fundamentally changing the ways animals live and travel, according to scientists.* AFP PIC

# Wildlife adapting to toxic world of plastic

Jom! By AFP

A HERMIT crab trundles across a beach in Japan's Okinawa, carrying its home on its back: not a shell, but a disintegrating plastic yellow measuring spoon.

The crab is far from alone. Plastic waste has become so pervasive in the natural environment that it is fundamentally changing the ways animals live and travel, according to scientists.

Here are some examples of that adaptation:

**PLASTIC HABITATS**

Around 435 million tonnes of plastic waste is produced globally each year, with about 22 million tonnes discarded in the environment, according to the Organisation for Economic Cooperation and Development.

Birds, bees, crabs and other marine life now regularly incorporate that refuse into their homes.

A study this year analysed images uploaded to amateur naturalist sites and found hermit crabs worldwide are using artificial items for shells.

Plastic was the most common choice, though photographer Shawn Miller has seen the animals take up residence in glass bottle necks, detergent tops and even the ends of light bulbs.

He was "absolutely amazed" the first time he spotted a crab inside a plastic home on a beach in Japan in 2010.

"I couldn't stop thinking about it," he told AFP.

"We were surprised... this is pretty shocking, why is this adapting like this?"

The behaviour is increasingly being documented across many species.

Birds have been recorded weaving scraps of plastic bags into nests, and even using colourful pieces of litter for decoration to win breeding advantages.

One study found bees using parts of plastic bags and plastic sealant in their nests.

Theories on why animals are incorporating plastics into their habitats vary, but researchers suggest the sheer abundance of plastic in the environment plays a part.

Hermit crabs are also grappling with fewer available shells as mollusc populations decline, so "it may be less costly energy-wise to find an artificial shell than a natural one", the authors of the study wrote.

**MIGRATION OF PLASTICS**

Debris like wood has long allowed species to migrate across oceans from one coastline to another, but these naturally occurring surfboards are relatively scarce and degrade quickly.

Plastic, by comparison, is plentiful and long-lasting, so it offers many more opportunities for species to move.

The phenomenon was seen at an unusual scale after the 2011 tsunami in Japan, when the waves swept large amounts of human-made debris from land into the ocean and eventually deposited it along the US Pacific Northwest.

One study found nearly 300 living Japanese coastal marine species that arrived on plastic and other human-made items.

This traffic increases the risk of invasive species taking hold, scientists warn.

Plastic is even allowing creatures that normally live along coasts to survive and reproduce on the open oceans.

A study last year found coastal species living on 70 per cent of samples collected from the North Pacific Subtropical Gyre, an ocean current that is also a concentrated site of debris including plastic.

"Coastal species persist now in the open ocean," the authors wrote, "sustained by the vast and expanding sea of plastic debris".

**PLASTIC TOOLS**

The plethora of plastic in the ocean also means the items are being used as tools.

Both sea urchins and octopuses have been documented using discarded plastic as camouflage.

A study of sea urchins commo found in the western Atlantic fou they were actively choosing plas debris to cover themselves inste of natural materials like rocks.

Scientists believe the urchins c er themselves in part for shade a warned the more translucent plas debris now being used raises the r of sunburn for the creatures.

Octopuses have been obser using plastic to disguise the entra es to their homes, or settling ins plastic waste.

They have also been spot "stilt-walking" — stepping along sea bed on their tentacles — wh carrying plastic debris used to co themselves.

Scientists believe they have c scratched the surface of the animals are being forced to adap plastic, and the harmful effects of exposure.

Authors of the octopus study ur "urgent measures to reduce li impacts not only for cephalopo but for all marine organisms ecosystems".

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 06 NOV 2024